

27 tahun derita psoriasis

M/malaysia 5/8/12 16

KEHIDUPAN ceria seorang pelajar tingkatan tiga ini bertukar sengsara apabila dia secara tiba-tiba diserang penyakit kulit misteri dinamakan psoriasis. Akibatnya, Hazlinda mengalami simptom kulit mengelupas, kemerahan dan gatal, sekali gus menjejaskan rupa parasnya.

Akibatnya, dia hanya mampu duduk di rumah kerana kulitnya akan berasa sakit apabila berpeluh dan memakai baju. Itulah antara pengalaman yang dialami Hazlinda Ilias, 42 kira-kira 28 tahun lalu.

Penyakit yang dialami Hazlinda masih berlarutan sehinggalah dia melangsungkan perkahwinan.

"Saya mencuba pelbagai rawatan termasuk cara Islam dan tradisional. Saya juga mencuba suplemen farmasi. Ada yang berkesan tetapi tak sampai sebulan, penyakit ini datang semula. Sehinggalah saya mencuba sejenis ubat herba tradisional yang mungkin serasi dengan saya. Penyakit kulit yang saya alami tidak sembuh sepenuhnya tetapi ia semakin berkurang sehingga 60 peratus," ujarnya.

Menurut Hazlinda, disebabkan perasaan malu dan kurang pengetahuan tentang psoriasis, dia tidak mahu berjumpa doktor ketika mula-mula mendapat penyakit ini.

"Saya sangat stres. Masa itu saya baru berada di tingkatan tiga. Akibatnya, pelajaran dan rutin harian saya terganggu. Penyakit kulit ini menyebabkan rasa sakit, gatal dan malu.


"Akhirnya atas dorongan keluarga, saya berjumpa doktor dan diberi ubat," katanya.

Tahun lepas, atas izin Allah, dia dipertemukan dengan usahawan herba, Dr. Nurmawati Syakroni dan sejak itu mencuba herba minyak kelapa dara, alahan dan antivirus untuk merawat penyakit tersebut.


"Alhamdulillah ia sesuai dengan kulit saya," akunya.

Tambah Hazlinda, walaupun kesan masih belum kelihatan tetapi ia membantu mengurangkan rasa sakit dan gatal terutama apabila cuaca panas dan melekit.

"Jika anda tanya, apa yang terjadi pada kulit saya 27 tahun lalu, susah saya nak gambarkan.



HAZLINDA menunjukkan kesan psoriasis pada kulitnya yang sudah kering.



Saya sangat stres. Masa itu saya baru berada di tingkatan tiga. Akibatnya, pelajaran dan rutin harian saya terganggu. Penyakit kulit ini menyebabkan rasa sakit, gatal dan malu. Akhirnya atas dorongan keluarga, saya berjumpa doktor dan diberi ubat.

Kulit menjadi gatal, bengkak dan alergi. Selepas berkahwin, suaminya yang banyak membantu dengan menyapu ubat di bahagian belakang. Seperti yang anda lihat sekarang, selepas mencuba ubat herba ini, yang tinggal hanyalah kesan parut. Walaupun saya belum pulih sepenuhnya, saya bersyukur kerana sekarang saya sudah tidak malu berjumpa orang ramai," ujarnya yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Ibu kepada empat anak ini mengakui, sebagai pesakit psoriasis banyak cabarannya.

Katanya, kulit akan menjadi kering apabila berada di dalam bilik berpendingin hawa dan tiada keyakinan diri apabila berjumpa dengan orang ramai.

Nasihatnya kepada pesakit-pesakit lain supaya bersabar dan tidak berputus asa.

"Kita perlu percaya setiap penyakit ada ubatnya. Saya bersyukur mempunyai keluarga yang memberi kekuatan untuk terus tabah," katanya yang kini hidup gembira.

INFO:

Psoriasis

■ Merupakan sejenis penyakit inflamasi atau keradangan kulit yang kronik, tidak berjangkit dan bersifat benigna (tidak mendatangkan kesan-kesan bahaya).

■ Antara penyakit kulit yang kerap dijumpai melibatkan 2.5 peratus daripada penduduk dunia.

■ Lebih kerap berlaku pada orang berkulit putih (kaukasia) dan jarang mengenai kaum wanita.

■ Penyakit ini lazimnya bermula pada umur 28 tahun. Di antara 10 hingga 15 peratus kejadian baru melibatkan kanak-kanak di bawah 10 tahun.

■ Penyakit ini mungkin berlandaskan faktor genetik atau keturunan.

■ Ada bukti nyata yang mengaitkan psoriasis sebagai penyakit autoimun.

■ Stres atau tekanan, jangkitan kuman serta sesetengah jenis ubat-ubatan seperti beta blockers dan ubat malaria boleh menyebabkan penyakit ini bertambah teruk.



PENYAKIT ini boleh menjadi teruk dengan tanda kemerahan-merah yang melampau.